



PERSATUAN ORANG PEKAK KUALA LUMPUR

MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN KLSD KE 13 2008



Gambar oleh En. Zaine Bujal

JAWATANKUASA EKSEKUTIF KLSD 2008 - 2010

Dari kiri ke kanan (duduk): Cik Puang Li Sing (Bendahari Kehormat), En. Lim Anuar (Timbalan Presiden II), En. Aqlam Jafri (Presiden), En. Mohd. Azhar Ismail (Timbalan Presiden I), Pn. Suryakala A. Letchumanan (Setiausaha Kehormat).

Dari kiri ke kanan (berdiri): En. Nik Firdaus Nik Mohd. Salleh (Timbalan Bendahari), En. Abdul Rahman Ahmad Mustafa (AJK), En. Ibdhi Har Ali Najeeb (AJK), En. Yeogaraj (AJK), En. Hisham Kalani (AJK), Cik Hirda Ayu (AJK), Pn. Aliza Mamat (Timbalan Setiausaha).

Kuala Lumpur, 25 Mei 2008 - Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan KLSD 2008 telah berjaya diadakan di Bangunan LPPKN di Kuala Lumpur yang berlangsung selama 8 jam.

8:30 pagi - Ahli-ahli KLSD telah mula datang untuk membuat pendaftaran dan telah dijamu dengan hidangan sarapan pagi setelah mendaftarkan diri. Presiden KLSD (Aqlam Jafri) mempengerusikan forum terbuka (usul dari ahli).

10:10 pagi - Majlis perasmian mesyuarat ini telah dirasmikan oleh Pn. Noormah bt. Dato' Abdul Rauf (Timbalan Pengarah I, Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur). En Aqlam Jafri, Presiden KLSD dan Pn. Sariah Ibrahim (Setiausaha Persekutuan Orang Pekak Malaysia) turut memberi kata-kata aluan dalam majlis perasmian tersebut.

11:30 pagi – En Aqlam Jafri, selaku Presiden KLSD mempengerusikan mesyuarat dengan dibantu oleh Setiausaha Kehormat, En. Stephen Lee dan Bendahari, En. Lee Tur Chung. Saya mula memberi ucapan kata-kata aluan serta meminta ahli-ahli meluluskan minit mesyuarat agung dwitahunan KLSD ke-12 yang lalu. En. Stephen Lee membentangkan laporan setiausaha iaitu aktiviti tahunan 2006 - 2008. Ahli-ahli yang hadir telah sebulat suara meluluskan laporan tersebut.

12:50 tgh - Mesyuarat AGM ditangguhkan pada jam 2 petang untuk makan tengahari. Semua ahli KLSD yang hadir ke mesyuarat tersebut telah dijamu nasi ayam dan vegetarian.

2:00 petang - Penyata kewangan KLSD 2005, 2006 dan 2007 telah dibentangkan oleh En. Lee Tur Chung. Penyata kewangan KLSD 2005 dan 2006 telah dilulus dengan sebulat suara oleh para hadirin yang mempunyai ahli yang berdaftar dengan KLSD.

3:00 petang - En. Pong Chee Kong (wakil Pulau Pinang) telah dilantik sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Dwitahunan KLSD ke-13 sambil dibantu oleh 3 orang wakil dari Pulau Pinang, Kelantan dan Johor.

Jawatankuasa Eksekutif KLSD 2008 – 2010 yang telah dilantik iaitu:

Presiden:	En. Aqlam Jafri
Timbalan Presiden I:	En. Mohd. Azhar Ismail
Timbalan Presiden II:	En. Lim Anuar
Setiausaha Kehormat:	Pn. Suryakala A. Letchumanan
Timbalan Setiausaha:	Pn. Aliza Mamat
Bendahari Kehormat:	Cik Puang Li Sing
Timbalan Bendahari:	En. Nik Firdaus Nik Mohd. Salleh
AJK:	En. Hisham Kalani
	En. Ibdhi Har Ali Najeeb
	En. Haymasuthan A/L Periasamy
	En. Abdul Rahman Ahmad Mustafa
	Cik Hirda Ayu
	En. Yeoga Raj

Sebelum berakhirnya mesyuarat, semua jawatankuasa eksekutif KLSD 2008 - 2010 kecuali En. Haymasuthan (kerana berada di Pahang untuk menyertai program paintball anjuran Persatuan Orang Pekak Pahang) berikrar Aku Janji di depan para hadirin sambil disaksi oleh Pn. Sariah Ibrahim untuk menandatangani Surat Aku Janji. Mesyuarat ini ditangguhkan pada jam 5:30 petang.

Sekalung penghargaan kepada 5 orang sukarelawan bukan Pekak (dari Pusat Latihan MySL), 5 orang sukarelawan Pekak, 2 orang Pegawai Perhubungan Pusat Komunikasi (CCO) dan seorang Jurubahasa Isyarat MFD kerana menjayakan mesyuarat ini.

Tahniah kepada En. Mohd. Azhar (Pengerusi Pengelola Pra AGM) dan AJK kerana menganjurkan dan menjayakan mesyuarat tersebut.

Dilaporkan oleh En. Aqlam Jafri